


BAB III

BIOGRAFI DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN

1- KETURUNAN DAN LATAR BELAKANG KELUARGA



Sumber: Muhammad Ismail bin Saleh

Beliau ialah cucu kepada Tuan Guru Haji Wan Ishak Bin Haji Wan Muhammad Hashim yang telah meneroka pondok Pulau Pisang lebih kurang dalam tahun 1840. Pada masa itu Pulau Pisang ialah ibu kerajaan negeri Kubang Pasu Darul Qiyam di bawah pemerintahan Tunku Anum.¹⁴⁰ Tuan Guru Haji Wan Ishak ialah orang kepercayaan Tunku Anum yang mentadbir kerajaan di Pulau Pisang pada waktu itu.¹⁴¹ Beliau diamanahkan untuk mentadbir hal ehwal negeri yang berkait rapat di dalam urusan keagamaan.

Haji Othman ataupun Lebai Othman telah berguru dengan Tuan Guru Haji Muhammad Salleh sehingga beliau telah lulus menjadi seorang lebai. Di antara mereka yang bersama-sama dengan Lebai Othman yang telah lulus menjadi seorang lebai ialah, Syeikh Ismail Muhammad Salleh, anak sulung Tuan Guru Yang Dipertua Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah yang pertama, Dr Burhanudin al- Helmi bekas Presiden Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Tuan Guru Haji Ahmad Hutan Palas Kodiang¹⁴², Tuan Guru Haji Abdullah Abbas Nasution Tanjung Pauh,¹⁴³ Tuan Guru Haji Abdullah Bin Hassan, Pondok Kuala Janing, Kuala Nerang dan ramai lagi.

¹⁴⁰ Tunku Anum atau nama penuhnya Tunku Anum bin Tunku Abdul Rahman adalah putera tunggal hasil perkongsian hidup di antara Tunku Rahmah dan Tunku Abdul Rahman. Bondanya iaitu Tunku Rahmah adalah puteri sulung kepada Sultan Muhammad Jiwa yang ke-2 iaitu Sultan Kedah yang ke- 19, di antara tahun 1710-1778M. Manakala ayahandanya Tunku Abdul Rahman adalah bekas Ketua di Wilayah Chenak Thailand. Nama Tunku Anum mula popular apabila beliau dilantik sebagai ketua penghantar Bunga Emas kepada Kerajaan Siam oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang Ke-2 dan Tunku Dhiawuddin yang memerintah Kayang (Perlis). Peristiwa ini berlaku pada bulan Ogos 1809M. Sesuai dengan tugasnya seorang diplomat yang berurusan dengan Kerajaan Siam. Tunku Anum dikurniakan gelaran “Tunku Paduka Raja Jambangan”.

¹⁴¹ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

¹⁴² Beliau merupakan pengasas pondok al-Nahdhah al-Wataniah Kodiang Kedah, yang kemudiannya dinamakan Maktab Pendidikan Islam Kodiang Kedah. Anaknya Dato' Syeikh Muhamad Baderuddin bin Hj. Ahmad kini adalah Mufti negeri Kedah (2009-kini). Beliau adalah rakan seangkatan Dato' Syeikh Abdul Halim bin Othman.

¹⁴³ Haji Abdullah Abbas Nasution lahir di Langgar, Alor Setar Kedah pada 1 Mac 1912. Haji Abdullah mendapat pendidikan awal daripada bapanya hingga meningkat usia 10 tahun. Selepas itu, barulah beliau memasuki Sekolah Melayu Langgar pada tahun 1920. Pada tahun 1923, beliau menyambung pelajarannya di sekolah pondok (Arab) di Pulau Pinang dan di Jitra, Kedah. Pada tahun 1928, beliau meneruskan pengajiannya di Pondok Tok Kenali di Kota Bharu, Kelantan dan kemudian berpindah belajar di Maahad

Muhammadi, Kota Bharu hingga tahun 1936. Akhir sekali, beliau belajar di pondok Ahmadiyah Bunut Payong, Kota Bharu pada tahun 1937 hingga tahun 1940. Selepas itu, beliau kembali ke sekolah pondok di Pulau Pisang, Jitra sebagai guru dan kemudiannya berpindah pula ke Pondok Haji Muhsin, Titi Besi, Kepala Batas. Pada akhir tahun 1940, Haji Abdullah Abbas Nasution membuka sebuah sekolah perguruan agama yang dikenali sebagai Madrasah Maahad Ehya Al-Ulum Ad-Diniah di Tanjung Pauh, Jitra. Madrasah ini menyediakan matapelajaran Pendidikan Agama Islam, Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada tahun 1940 hingga tahun 1967, Madrasah Maahad Ehya Al-Ulum Ad-Diniah telah melahirkan kira-kira 4000 orang murid yang masing-masing diasaskan dengan pendidikan Islam. Selain daripada mengajar, Haji Abdullah Abbas Nasution juga seorang ulama yang giat berdakwah menerusi bidang penulisan. Kegiatannya dalam bidang itu bermula sejak awal tahun 1930-an lagi. Pada tahun 1933, Haji Abdullah mula berlatih menjadi penulis sambilan di akhbar. Waktu itu beliau masih belajar di Kota Bharu, Kelantan iaitu di Pondok Tok Kenali. Dalam bidang penulisan, Haji Abdullah sering menggunakan nama samaran A.A. Pilpisani, AAN dan Ibnil Arabi. Tulisannya yang sering mengimbau kepada persoalan agama itu kerap tersiar dalam akhbar Saudara, Warta Malaya di Singapura dan Sahabat di Pulau Pinang. Selain rencana agama, Haji Abdullah pernah menulis berita biasa untuk akhbar-akhbar itu. Antara bahan berita yang pernah ditulisnya termasuklah kejadian mencuri ayam, orang bergaduh dan cerita jenayah. Haji Abdullah kemudiannya beralih kepada bidang menterjemah kitab agama daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Antara usaha penterjemahannya yang awal ialah menterjemah kitab Tarbiah Al-Ijtimaiah (Hal Ehwal Kemasyarakatan), Tarbiah Al-Wataniah (Sains Politik Mesir) dan beberapa kitab lain. Di samping menterjemah, beliau juga telah mengarang beberapa buah kitab seperti Sejarah Melayu Raya yang mencatatkan sejarah orang Melayu dari zaman Sri Vijaya dan kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Pada tahun 1940, Haji Abdullah Abbas Nasution memulakan kerja menterjemah al-Quran al-Karim yang dicetak pada tahun 1959. Beliau juga telah menulis huraian tafsir al-Quran yang dapat disiapkannya dalam tempoh lapan tahun. Secara keseluruhan, sejak tahun 1933 hingga 1980, Haji Abdullah Abbas Nasution telah menulis dan menterjemah kira-kira 100 buah kitab dan risalah yang menyentuh pelbagai maudhuk. Kebanyakan daripada kitab-kitab itu adalah mengenai Islam, termasuklah kebudayaan dan sejarahnya. Beliau juga menulis tentang sejarah am Asia Tenggara. Dalam pada itu, beliau juga pernah menulis salasilah keturunan keluarganya dan beberapa buah buku ilmu pengetahuan seperti Geografi, Ekonomi, biografi hidup dirinya, Sains Politik, Sains Kemasyarakatan, pendidikan dan lain-lain lagi. Kebanyakan karya beliau ditulis dalam bentuk khat thuluth dan ada yang ditaip. Haji Abdullah Abbas Nasution juga bergiat aktif dalam Persatuan Ulama Kedah (PUK). Pada peringkat awal penubuhan Persatuan Ulama Kedah (PUK), beliau dianggap sebagai seorang daripada penaja dan orang kuat persatuan itu. Ketika itu, beliau bertugas sebagai mudir di pondok yang dikendalikannya sendiri iaitu Maahad Ehya Al-Ulum Addiniah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Sebagai tokoh penaja PUK, Haji Abdullah didaftarkan sebagai ahli ke lapan dalam persatuan itu. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Penaja dan seterusnya sebagai Setiausaha Kehormat PUK. Sebagai Setiausaha Penaja dan Setiausaha Kehormat PUK, beliau telah dipertanggungjawabkan menggubal sebuah undang-undang PUK yang dibentuk berpandukan undang-undang tubuh Persatuan Pinang Peranakan (sebuah pertubuhan kebajikan India Muslim di Pulau Pinang). Haji Abdullah Abbas Nasution telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha PUK pada bulan Januari 1946 hingga 1949. Selepas setahun PUK bergerak di Alor Star (ibu pejabatnya di Maktab Mahmud), ia terpaksa dipindahkan ke Guar Chempedak kerana pada ketika itu Maktab Mahmud ialah sebuah sekolah agama kerajaan. Oleh kerana PUK merupakan sebuah persatuan bukan kerajaan, beberapa syarat tertentu telah dikenakan. Secara tidak langsung, keadaan itu sedikit sebanyak menjadi sekatan dan menghalang pergerakan PUK sendiri. Sebaliknya, pergerakan PUK di Madrasah At Taufikiah Al-Khairiah di Guar Cempedak lebih bebas kerana madrasah itu adalah sebuah sekolah agama rakyat yang tidak terikat dengan sebarang peraturan atau undang-undang pihak berkuasa. Mulai tahun 1949 sehingga sekitar tahun 1950-an, Haji Abdullah Abbas Nasution dilantik sebagai Ketua Hal Pelajaran menggantikan Syeikh Abdul Halim Othman yang merupakan Ketua Hal Pelajaran PUK yang pertama. Dalam bidang politik, beliau pernah menyandang pelbagai jawatan seperti Setiausaha Kesatuan Melayu Kedah dan Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu, Setiausaha PAS Kubang Pasu dan Kuala Nerang, Ketua Dewan Ulama PAS Kedah dan juga Jawatankuasa Pusat PAS Tanah Melayu. Selain itu, beliau pernah menghadiri pertemuan penting Kongres Kesatuan Melayu Malaya yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1946 sewaktu menentang Malayan Union. Kehadirannya dalam pertemuan itu ialah sebagai wakil kepada PUK dan Kesatuan Melayu Kedah. Di samping itu, beliau pernah menghadiri majlis mesyuarat ulama seluruh Tanah Melayu yang berlangsung di Butterworth pada tahun 1952. Haji Abdullah bukan saja membabitkan diri dalam bidang keagamaan tetapi turut bergerak cergas dalam bidang sosial. Satu contoh pembabitan beliau ialah sebagai ahli Persaudaraan

Makam Tunku Anum di Kg. Pulau Pisang



Sumber: Laman Web My.Kedah.com

Sahabat Pena (PERSPAM). Selain itu, beliau juga merupakan tokoh pemidato yang handal. Ini dapat dilihat sewaktu beliau menyampaikan ceramah bertajuk "Riwayat dan Perjuangan Tuk Kenali" di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 21 Februari 1978. Beliau sering menghadirkan diri ke seminar-seminar yang berkaitan dengan politik, ekonomi, sejarah, pendidikan, bahasa, sastera dan kebudayaan. Haji Abdullah Abbas Nasution telah kembali ke Rahmatullah pada 4 Januari 1987 dalam usia 78 tahun. Perjuangan Haji Abdullah dalam PUK untuk menyatupadukan umat Islam khusus di negeri Kedah adalah satu perjuangan yang meninggalkan kesan positif terhadap perkembangan Islam di seluruh negara.

Di antara pelajar yang agak terkemudian ialah seperti Tuan Syeikh Ramli, bekas Penolong Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama Negeri Kedah.¹⁴⁴

Haji Othman adalah merupakan salah seorang guru agama di kampungnya. Beliau telah berpindah ke Kubang Lembu berhampiran Jitra dan telah mengajar subjek agama dan pendidikan Islam di sekolah Melayu Jitra. Sebagai guru yang mengajar subjek agama dan pendidikan Islam, Haji Othman amatlah karib ataupun sangat rapat dengan Syeikhul Islam negeri Kedah pada masa itu iaitu Tuan Haji Wan Sulaiman Bin Wan Sidiq.¹⁴⁵ Haji Othman biasa digelar sebagai Syeikhul Islam Kubang Pasu, kerana ketokohnanya dalam ilmu agama.¹⁴⁶

Haji Othman berpendapat bahawa seseorang yang sangat berguna kepada masyarakat ialah orang yang berpelajaran serta mempunyai pengalaman daripada luar negeri seiptimana mereka yang balik daripada Universiti al- Azhar Mesir. Haji Othman yang berpendidikan daripada pondok Pulau Pisang ini berkebolehan menyebarkan pelajaran

¹⁴⁴Wan Shamsudin bin Mohd Yusof, Pengerusi Sejarah Negeri Kedah, di pejabat beliau Muzium Negeri Kedah, Lebuhraya Darulaman, Alor Setar Kedah, Temubual pada 3 Disember 2009, jam 9.00 pagi-10.30 pagi.

¹⁴⁵ Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek dilahirkan pada tahun 1874M di sebuah desa pedalaman iaitu Kampung Pulau Tengah dalam Mukim Padang Kerbau, Daerah Kota Setar. Pada tahun 1904, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah menubuhkan Majmuk Ulama untuk membantu baginda mengatasi sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan agama Islam. Majmuk ini mengandungi 12 orang ulama dengan dipengerusikan oleh Haji Wan Sulaiman sementara Haji Abdullah Fahim (Pak Him) selaku setiausaha. Ulama-ulama lain yang menganggotainya termasuklah Sheikh Muhammad Khayat, Sheikh Jarum Derga (Haji Wan Idris Wan Jamal), Haji Ahmad Awang, Haji Idris Ayer Hitam, Haji Muhammad Saman (Keramat Serban Hijau), Haji Ibrahim Paya Sena, Haji Muhammad Arif Sungai Nonang dan Haji Hussain Nasir Al-Banjari (Tuan Hussain Kedah). Majmuk ini berkumpul setiap malam Jumaat di Masjid Zahir untuk bermuzakarah hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Pada awal tahun 1906, Kerajaan Kedah melantiknya bertugas sebagai Kadi yang kemudiannya menjawat jawatan Kadi Besar dalam tahun 1910. Bidang kerjayanya semakin bersinar apabila beliau dilantik selaku Syeikhul Islam Kedah menggantikan Sheikh Muhammad Khayat pada tahun 1920.

¹⁴⁶ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

agama Islam kepada anggota masyarakatnya dengan berkesan kerana beliau juga menguasai bahasa Arab dengan baik.¹⁴⁷

Oleh itu Haji Othman telah nekad untuk menghantar anaknya Abdul Halim mendalami ilmu- ilmu agama Islam dan beliau bercita- cita untuk menghantarnya belajar di Pondok Limbong Kapal yang telah diasaskan oleh Syeikhul Islam pada ketika itu dan beliau ingin anaknya Abdul Halim belajar di Universiti al- Azhar Mesir selepas daripada itu.¹⁴⁸

Haji Othman ayah kepada Dato' Syeikh Abdul Halim telah berkahwin dengan Puan Habibah dari Anak Bukit dan mereka memperolehi tujuh orang cahaya mata iaitu:

- 1- Muhammad Murad
- 2- Dato' Syeikh Abdul Halim
- 3- Ghazali
- 4- Fatimah
- 5- Hajjah Zainab
- 6- Jamilah
- 7- Hajjah Tom Saudah

Muhammad Murad telah meninggal dunia ketika beliau masih kecil. Oleh itu Abdul Halim sentiasa dianggap anak sulung di dalam keluarganya. Abdul Halim dilahirkan pada 31 Oktober 1910 di rumah neneknya sebelah ibu di anak Bukit. Abdul Halim didaftarkan

¹⁴⁷ Ibid

¹⁴⁸ Ibid

belajar dalam darjah kosong di Sekolah Melayu Jitra pada tahun 1916. Guru Besar sekolah Jitra pada masa itu ialah Cikgu Osman.¹⁴⁹

Sebelum ini orang-orang Jitra akan menghantar anak-anak mereka ke sebuah rumah yang dipunyai oleh Pak Yaakub¹⁵⁰ di Tanjung Pauh. Di bawah rumah Pak Yaakub Tanjung Pauh itulah dijadikan sekolah sejak tahun 1906-1910 di bawah jagaan cikgu Osman. Sekolah ini dipindahkan ke Jitra setelah murid-murid semakin lama bertambah ramai. Tidak dapat dikesan apakah kelulusan cikgu Osman, malah binnya juga tidak dapat diketahui. Dia berasal dari negeri Pulau Pinang. Cikgu Osman bersara dalam lebih kurang dalam tahun 1926. Di sekolah Jitra inilah, bapa Dato' Syeikh Abdul Halim Othman mengajar agama dan kelas al- Quran ataupun fardhu Ain di sebelah petangnya.¹⁵¹

Pada masa yang sama juga, pada ketika itu, Tuan Haji Wan Sulaiman ataupun Syeikhul Islam Kedah yang sangat rapat dengan Haji Othman telah mengasaskan sebuah sekolah agama yang termoden di Limbong Kapal, Alor Setar dan dinamakan sebagai Madrasah al-Hamidiyyah. Sekolah itu dibuka pada tahun 1920. Pada tahun 1921 ketika Abdul Halim berusia 12 tahun, beliau diserahkan oleh bapanya belajar agama dan bahasa Arab di sini selama enam bulan.¹⁵²

¹⁴⁹ Cikgu Osman ini tidak dapat di kesan bilakah tarikh kematian beliau..

¹⁵⁰ Pak Yaakub ini tidak dapat dikesan nama penuhnya, akan tetapi rumahnya sentiasa digunakan untuk kegiatan ilmu.

¹⁵¹ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

¹⁵² *Ibid.*

2- PERKAHWINAN, KELUARGA DAN RUMAH TANGGA

Syeikh Abdul Halim telah memperisterikan Puan Wan Kamaliah Binti Wan Mahmud iaitu anak gadis kepada seorang pegawai Kanan di pejabat Syeikhul Islam pada waktu itu, tetapi Wan Kamaliah meninggal dunia selepas perkahwinan mereka genap empat puluh hari. Kemudian beliau berkahwin pula untuk kali keduanya dengan Puan Hajjah Zaharah Binti Tajul Arus dalam tahun 1939. Tuan Haji Tajul Arus ialah Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri Kedah pada masa itu.

Dengan Datin Zaharah, Syeikh Abdul Halim dikurniakan empat orang cahaya mata, tiga lelaki dan seorang perempuan. Anak sulungnya Ahmad Fairuz (kini Tun) berkelulusan undang-undang dari Universiti Singapura. Pernah berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan dan beliau juga adalah bekas Ketua Hakim Negara yang mendapat gelaran Tan Sri.¹⁵³

Anak keduanya Tajul Arif meninggal dunia di Sydney Australia, kerana terlibat dalam satu kemalangan jalanraya dalam tahun 1973. Tajul Arif berkelulusan Kejuruteraan Awam dari Universiti Melbourne. Anak ketiga seorang perempuan iaitu Syajaratuddur berkelulusan Universiti Malaya, beliau merupakan bekas Pegawai Lembaga Lektrik Negara¹⁵⁴ dan sekarang ini beliau adalah merupakan salah seorang usahawan yang berjaya di Kuala Lumpur.¹⁵⁵

¹⁵³ *Ibid*

¹⁵⁴ LLN singkatan kepada Lembaga Letrik Negara dikenali kini dengan nama Tenaga Nasional Berhad.

¹⁵⁵ *Ibid*

Anaknya yang bongsu ialah Muhamad Zahran belajar di Universiti Manchester England yang berkelulusan Ph.D di bidang komputer, kerana minatnya yang sangat mendalam di dalam bidang komputer, maka beliau menyambung pengajiannya di dalam bidang tersebut dengan jayanya.¹⁵⁶

3- LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN

Dato' Syeikh Abdul Halim Haji Othman mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jitra. Beliau kemudiannya telah menerima ilmu-ilmu agama serta pengetahuan agama Islam ini secara langsung bermula dengan ayahnya sendiri iaitu Haji Othman. Kemudian beliau memantapkan lagi ilmu agamanya dengan mengikuti pengajian di pondok iaitu Pondok Limbong Kapal setelah berguru dengan Syeikhul Islam waktu itu iaitu Tuan Guru Haji Wan Sulaiman Wan Sidik dan seterusnya ke Timur Tengah.¹⁵⁷

Haji Othman telah menghantar anaknya Abdul Halim ke Mesir pada tahun 1927 dengan harapan Abdul Halim akan belajar di Universiti al- Azhar di Kaherah sepermula yang telah dilakukan oleh Tuan Guru Haji Salleh Lubuk Kawah¹⁵⁸ dengan menghantar anaknya Syeikh Muhammad Amin¹⁵⁹ ke Kaherah beberapa tahun terlebih dahulu. Dan juga sepermula yang telah dilakukan oleh Tuan Guru Haji Muhammad Salleh Pulau Pisang

¹⁵⁶ *Ibid*

¹⁵⁷ My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/10heritage/102_4_16.htm, 12 Disember 2010.

¹⁵⁸ Seorang ulama di Kedah.

¹⁵⁹ *Ibid*

apabila menghantar anaknya Syeikh Ismail, Syeikh Ramli dan Syeikh Kassim ke Kaherah. Syeikh Ismail pulang ke Kedah pada tahun 1932 selepas tamat pengajiannya di Mesir.¹⁶⁰

Abdul Halim telah tinggal di Mesir dan berada di sana selama sepuluh tahun. Beliau akhirnya berjaya memiliki Ijazah Sarjana Muda dari Universiti al- Azhar al- Syarif pada tahun 1937. Di Mesir, selain daripada mempelajari ilmu- ilmu Islam, Syeikh Abdul Halim juga telah mengambil kesempatan mempelajari ilmu membuat periuk dan pasu daripada tanah liat sebagai ilmu- ilmu tambahan dan juga sebagai pengalaman.¹⁶¹

Mengikut adik perempuannya, Puan Hajjah Zainab, mereka sekeluarga terpaksa mengikat perut kerana amat berazam supaya Abdul Halim berjaya di Mesir. Kami tinggal di kampung Tanjung Pauh sejak Abdul Halim belajar di Limbong Kapal lagi dan sejak itu kami sekeluarga berjimat cermat dan berpekin¹⁶².

Puan Hajjah Zanab menyambung bahawa emak dan kami saudara- saudara perempuannya, tidak memakai pakaian yang cantik-cantik. Kami di dapur pun memakai kain coi¹⁶³ sahaja, kerana untuk berjimat cermat supaya abang Abdul Halim dapat menamatkan pengajiannya di Universiti al- Azhar.¹⁶⁴

Haji Othman iaitu ayah kepada Dato' Syeikh Abdul Halim adalah mempunyai kampung dan sedikit sawah tetapi masih juga terpaksa berjimat cermat kerana gaji guru al-

¹⁶⁰ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

¹⁶¹ *Ibid.*

¹⁶² Ini adalah dialek yang selalu digunakan oleh masyarakat Kedah yang bermaksud berjimat-cermat.

¹⁶³ Cara berpakaian masyarakat Kedah yang digunakan suatu ketika dahulu.

¹⁶⁴ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

Quran di Sekolah Melayu pada waktu itu tidaklah begitu banyak iaitu dalam sekitar tiga puluh ringgit sahaja sebulan.

Haji Othman berangkat ke Mekah menunaikan fardhu haji hanya selepas Dato' Syeikh Abdul Halim pulang ke tanahair dari Mesir. Apabila Haji Othman pulang dari tanah suci dan bergelar haji, beliau sempat bermesra dengan ahli keluarganya hanya selama empat hari sahaja sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir.¹⁶⁵

3.1 Di Universiti al- Azhar Kaherah pada tahun 1927-1937

Dato' Syeikh Abdul Halim berumur 17 tahun ketika sampai di Mesir dalam tahun 1927. Pelajar-pelajar di Universiti al- Azhar masih belajar sambil bersila di atas lantai Masjid al- Azhar pada ketika itu untuk mendengar syarahan dan kuliah daripada Profesor masing-masing.¹⁶⁶

Sistem pembelajaran Universiti al- Azhar sendiri terbahagi kepada dua bahagian iaitu *aliran nizamiyyah* yang berpusat di Masjid al- Azhar dan juga jurusan *umumiyyah* yang bertempat di masjid-masjid tertentu di sekitar bandar Kaherah.¹⁶⁷

Selepas tahun 1931 barulah berlaku sedikit perubahan apabila seorang ulama moden iaitu Syeikh Mustaffa al- Maraghi menyandang jawatan Syeikh al- Azhar. Syeikh al- Azhar

¹⁶⁵ *Ibid.*

¹⁶⁶ *Ibid.*

¹⁶⁷ Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

yang baru telah mengadakan kuliah-kuliah tertentu untuk pelajar-pelajar al-Azhar dan menempatkan pelajar-pelajar di bangunan lain dari masjid iaitu bangunan yang mempunyai kelengkapan moden dan sesuai tarafnya sebagai sebuah Universiti antarabangsa yang terkemuka.¹⁶⁸

Melalui perubahan ini, matapelajaran akademik telah dimasukkan ke dalam kelas-kelas ‘*nizamiyyah*’ seperti matapelajaran sains am dan antarabangsa, kerana dapat memenuhi pasaran semasa pada waktu itu disebabkan persaingan daripada universiti lain yang semasa dengannya.

Pada masa itu terdapat kira-kira 100 orang pelajar dari Malaysia di Universiti al-Azhar bersama-sama belajar dengan Dato’ Syeikh Abdul Halim, mereka yang sama-sama telah datang ke bumi para anbiya’ ataupun dipanggil dengan nama gelarannya di Mesir iaitu dengan ‘*Ard al-Kinanah*’ untuk menimba ilmu pengetahuan.¹⁶⁹

3.2 Penglibatan Dalam Politik Kampus

Semasa di Universiti al-Azhar Mesir, Dato’ Syeikh Abdul Halim bergerak cergas dalam persatuan penuntut-penuntut Melayu Mesir (PMRAM)¹⁷⁰ dan beliau pernah dipilih beberapa kali untuk menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kehormat Persatuan.

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

¹⁷⁰ Persekutuan ini telah ditubuhkan sejak tahun 1930 lagi dan telah didaftarkan secara rasminya pada 5 Disember 1956 dengan nama Persekutuan Melayu Mesir oleh para pengasasnya di Bandar Kaherah, Cawangan Polis Abidin. Pendaftarannya telah diperbaharui pada tahun 1956, 1964, 1968, 1983, 1999 dan 2003 dan kini ia dikenali sebagai Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM). Persekutuan ini adalah merupakan badan induk yang bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal pelajar Malaysia di Mesir.

Antara perjuangan persatuan pada masa itu ialah berusaha memperolehi bangunan asrama khusus untuk pelajar-pelajar Melayu yang sedang belajar di Mesir. Langkah memungut derma untuk mengisi tabung pembinaan asrama dianjurkan tetapi dengan keadaan ekonomi umat Islam yang merosot khususnya di tanahair pada masa itu, usahanya tidaklah begitu berjaya, namun begitu usaha untuk mencari dana itu tetap diteruskan juga .

Bagaimanapun pihak Universiti al- Azhar mengadakan pelbagai kemudahan untuk pelajar-pelajar dari Malaysia dan tidaklah banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita ketika menuntut di sana, dan bolehlah memberi sedikit kemudahan kepada pelajar-pelajar yang datang dari Malaysia.¹⁷¹

Pada tahun 1937, Dato' Syeikh Abdul Halim ingin melanjutkan pelajarannya untuk memperolehi ijazah Sarjana tetapi terpaksa pulang ke tanahair kerana perkhidmatannya diperlukan oleh pengasas Maktab Mahmud iaitu Almarhum Tunku Mahmud Ibni Sultan Tajuddin Makarram Syah untuk mengendalikan serta menguruskan Maktab Mahmud itu dengan seberapa segera yang boleh.¹⁷²

4- KERJAYA DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN

4.1- Madrasah al- Hamidiyyah

Dato' Syeikh Abdul Halim mula bekerja sebagai guru agama di Madrasah al-Hamidiyyah, Limbong Kapal. Madrasah ini berasal daripada sebuah rumah yang

¹⁷¹ *Ibid*

¹⁷² My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/10heritage/110_1_p4.htm. 12 Disember 2010.

diwakafkan. Tempat ini telah diuruskan oleh Allahyarham Tuan Haji Wan Sulaiman Bin Wan Sidik (1874-1935) yang menjadi Syeikhul Islam Kedah pada tahun 1920. Rumah ini asalnya menjadi tempat persinggahan bakal-bakal haji dari Kedah sebelum bertolak ke Pulau Pinang. Di sini juga, bakal-bakal haji diajar cara-cara mengerjakan haji dan cara bergaul dengan orang lain di tanah suci Mekah seperti kursus-kursus haji yang diperkenalkan sekarang.¹⁷³

Namun, setelah rumah itu tidak digunakan lagi, Tuan Haji Wan Sulaiman telah mengadakan kelas-kelas agama dan bahasa Arab di situ dalam tahun 1920. Rumah ini dikenali sebagai Madrasah Pak Wan Sulaiman atau sekolah Arab Limbong Kapal. Nama rasminya ialah Madrasah al-Hamidiyyah.¹⁷⁴

Pada peringkat permulaannya madrasah ini mempunyai seramai 34 orang murid yang diletakkan di dalam dua buah kelas, dan jumlah muridnya bertambah dari setahun ke setahun. Dalam tahun 1926, murid di dalam kelas Dato' Syeikh Abdul Halim ialah seramai 88 orang murid daripada yang berumur 6- 20 tahun.¹⁷⁵

Mereka diajar dengan ilmu Fekah, ilmu Tauhid, ilmu Tafsir, ilmu Hadis, ilmu Tasawuf, ilmu Nahu, ilmu Saraf, ilmu Balaghah, ilmu Insya', ilmu Sastera, ilmu Falak, ilmu Sejarah, ilmu Hisab, ilmu al-Quran dan ilmu Tajwid. Murid-murid di sekolah ini juga

¹⁷³ Peranan dan Sumbangan ulama Silam ,<http://www.scribd.com/doc/24877376/Ulama-hj-Wan-Sulaiman-Wan-Sidik>, 12 Disember 2010.

¹⁷⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/pengerusi-jkf>, 12 Disember 2010.

¹⁷⁵ Khalid bin Abdullah, bekas pelajar Madrasah al-Hamidiyyah dan Maktab Mahmud, Temubual pada 25 November 2009.

diperkenalkan dengan ilmu kebolehan berpidato, bersyarah, berbahas, mengarang dan membaca khutbah.

Guru-guru di Madrasah al- Hamidiyyah terdiri daripada ulama tempatan yang berkelulusan pondok dan berkelulusan dari Timur Tengah. Pengetua ataupun mudirnya yang paling awal ialah Tuan Haji Abdullah Pak Him dan kemudiannya diganti oleh Tuan Syeikh Muhamad Saleh Shamsuddin yang berkelulusan dari Universiti al- Azhar Mesir.

Tuan Haji Abdullah Pak Him ialah seorang ulama dari Patani yang bermastautin di Kedah tetapi akhirnya bermukim di Seberang Perai. Namanya sentiasa disebut- sebut oleh Dato' Syeikh Abdul Halim, kerana kehebatannya di dalam bidang ilmu pengetahuan agama Islam.

Di antara guru- guru yang lain ialah Tuan Syeikh Sayyid Muhammad, Tuan Haji Muhammad Tahir, Tuan Haji Ku Shaari dan lain-lain. Pak Wan Sulaiman juga turut mengajar di madrasah ini jika beliau berkesempatan terutamanya dalam kuliah- kuliah subuh.

Di antara rakan- rakan Dato' Syeikh Abdul Halim yang dapat dikesan ialah seperti Syeikh Saad bin Said bekas Kadi Besar Kedah, Syeikh Saleh Syamsuddin, Tuan Haji Muhammad Darus Bin Endut, Kadi Daerah Kubang Pasu, Tuan Haji Mahmud Bin Syafei bekas penghulu Mukim Sanglang dan lain- lain.¹⁷⁶

¹⁷⁶ *Ibid*

Pada tahun 1928 Tuan Haji Wan Sulaiman telah menyerahkan seluruh pentadbiran, perjalanan, dan penyelenggaraan berkaitan dengan pentadbiran dan juga kewangan Madrasah al-Hamidiyyah kepada Mahkamah Syariah Negeri Kedah supaya kemajuannya lebih mantap dan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.¹⁷⁷

Dalam tahun 1930 bilangan pelajar telah bertambah jumlahnya dan bangunannya tidak muat serta tidak lagi mampu untuk menampung semua permintaan pelajar-pelajar yang memohon hendak masuk belajar di sekolah ini. Bangunan rumah wakaf pula telah uzur dan kawasannya pula selalu ditimpa banjir apabila air sungai pasang.¹⁷⁸

Oleh itu, Pak Wan Sulaiman telah menyerahkan tanahnya sendiri seluas 224 jemba untuk dibuat pondok tetapi ianya juga tidak dapat membantu untuk mengatasi serta menyelesaikan masalah tempat belajar. Pelajar-pelajar yang datang untuk menimba ilmu semakin bertambah ramai dan mereka yang telah lulus diberi syahadah dan boleh memegang jawatan guru agama, imam, kadi, pegawai di pejabat agama, kerani dan lain-lain.

Almarhum Yang Maha Mulia Tunku Mahmud yang menjadi pemangku Sultan Kedah pada ketika itu mengetahui dan telah mendapat tahu masalah yang dihadapi oleh Madrasah al-Hamidiyyah, maka Tunku Sultan telah mengarahkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah pada waktu itu iaitu Tuan Haji Mohammed Sheriff Bin Osman mencari tapak

¹⁷⁷ Khalid bin Abdullah, bekas pelajar Madrasah al- Hamidiyyah dan Maktab Mahmud, Temubual pada 25 November 2009.

¹⁷⁸ *Ibid*

yang lebih luas untuk didirikan sekolah Arab di Alor Setar. Maka tapak di Simpang Kuala tempat Maktab Mahmud tegak berdiri sekarang ini telah dipilih.¹⁷⁹

4.2- Al- Maahad al- Mahmud (Maktab Mahmud)

Pada 19 Jun 1936 Tunku Mahmud telah meletakkan batu asas al- Maahad al- Mahmud dan pembinaan sekolah mula dipergiatkan sehingga siap dan dirasmikan pembukaannya oleh AlMarhum DYMM Yamtuan Sultan Abdul Hamid Halim Syah pada 20 Ogos 1937.¹⁸⁰

Apabila Maktab Mahmud diasaskan dan dirasmikan, pemangku Pengetua atau mudirnya ialah Tuan Syeikh Muhammad Saleh Bin Shamsuddin iaitu salah seorang guru dari Madrasah al-Hamidiyyah. Setelah Dato' Syeikh Abdul Halim dapat dipanggil pulang dari Universiti al- Azhar pada tahun 1937, beliau dipertanggungjawabkan oleh kerajaan menjadi pengetuanya dengan harapan untuk membimbang Maktab Mahmud ini mencapai cita-citanya untuk meninggikan kalimah Allah dan membentuk negara yang bermutu tinggi dan hidup bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Oleh sebab Maktab Mahmud ini adalah lanjutan dari Madrasah al-Hamidiyyah Limpong Kapal, maka daripada mula dibuka pada tahun 1937, sekolah ini terus mempunyai

¹⁷⁹ Khalid bin Abdullah, bekas pelajar Madrasah al- Hamidiyyah dan Maktab Mahmud, Temubual pada 25 November 2009.

¹⁸⁰ *Ibid*

lima kelas iaitu 4 darjah rendah dan satu darjah menengah. Matapelajaran pada masa itu ialah pelajaran-pelajaran agama Islam dan bahasa Arab sahaja.¹⁸¹

Yang Teramat Mulia Tunku Ahmad Tajuddin Haji Ibni Tunku Mahmud yang juga belajar di Mesir telah berangkat pulang ke Kedah ketika Paduka Ayahandanya sedang mencari- cari tokoh yang boleh memimpin Maktab Mahmud ini. Nama Dato Syeikh Abdul Halim telah di sebut-sebut oleh Tunku Ahmad Tajuddin lantas beliau dipanggil pulang dengan segera dari Universiti al-Azhar Mesir. Dato' Syeikh Abdul Halim terpaksa mengenepikan keinginannya untuk mengambil ijazah Sarjana penuh demi untuk memenuhi permintaan paduka Sultan Kedah pada ketika itu.¹⁸²

Beliau pulang ke tanahair pada tahun 1937 atas titah Pemangku Raja Kedah iaitu YTM Tengku Mahmud sebagai memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan iaitu menjadi peneraju Maktab Mahmud sebagai Pengetua pertamanya pada 7 September 1937 hingga 30 Jun 1954.¹⁸³ Kemudian, beliau menjawat jawatan Pendaftar Sekolah-sekolah Ugama Negeri Kedah pada 1 Julai 1954 hingga 12 Disember 1966. Pada 14 Disember 1966, beliau dilantik sebagai Yang Di Pertua Jabatan Ugama/ Majlis Hal Ehwal Negeri Kedah hingga 31 November 1969 dan bersara pada 1 Disember 1969. Namun begitu, beliau menyambung

¹⁸¹ *Ibid*

¹⁸² *Ibid*

¹⁸³ Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa Dato' Syeikh Abdul Halim ini adalah pengetua Maktab Mahmud Alor Setar yang Kedua. Pengetua Maktab Mahmud yang pertama adalah Tuan Syeikh Muhammad Saleh Bin Shamsuddin iaitu salah seorang guru dari Madrasah al-Hamidiyyah. Pandangan ini diceritakan oleh Sahibus Samahah Dato' Paduka Di Raja Syeikh Abdul Majid bin Md. Noor, mantan Mufti Kedah. Ini kerana disebabkan Dato' Syeikh Abdul Halim belum lagi pulang ke negeri Kedah pada ketika itu. Namun pandangan ini juga disanggah oleh beliau sendiri dan beliau berkata Tuan Syeikh Muhammad Saleh Bin Shamsuddin hanyalah berjawatan pemangku pengetua di Maktab Mahmud. Lagipun Tuan Syeikh Muhammad Saleh Bin Shamsuddin hanya beberapa hari sahaja memegang jawatan pemangku pengetua Maktab Mahmud Alor Setar.

semula tugas tersebut dari 2 Disember 1969 hingga 1 Disember 1970 dan terus mengambil tugas itu dari 2 Februari 1970 hingga 2 Mac 1971.¹⁸⁴

Semasa beliau menjadi Yang DiPertua, beberapa rancangan telah diperkenalkan iaitu mengadakan kelas tadika di tiap-tiap buah masjid dan menggalakkan penuntut-penuntut sekolah menengah terlibat dalam syarahan agama serta menyentuh ekonomi Islam seperti Ibadat Wakaf. Akhirnya, beliau terus bersara dari perkhidmatan Kerajaan setelah berkhidmat lebih kurang selama 33 tahun.¹⁸⁵

5- PERJUANGAN DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN

Perjuangan Dato Syeikh Abdul Halim bermula sebaik sahaja beliau mengambil alih tugas mudir ataupun pengetua Maktab Mahmud dari Tuan Haji Saleh Shamsuddin pada 7 September 1937 iaitu lapan belas hari selepas dirasmikan oleh Yamtuan.¹⁸⁶

Tuan Haji Wan Sulaiman Bin Wan Sidik, peneroka dan pejuang menegakkan Maktab Mahmud telah meninggal dunia pada 2 Mei 1935. Jawatan Syeikhul Islam negeri Kedah telah digantikan dengan anaknya Tuan Syeikh Ismail anak Tuan Guru Haji Muhamad Saleh Pulau Pisang yang pulang dari Universiti al-Azhar Mesir pada tahun 1932.

Selepas dua bulan Dato Syeikh Abdul Halim menjadi mudir Maktab Mahmud, Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahmud, Pemangku Sultan dan Presiden Majlis Mesyuarat

¹⁸⁴ My Kedah.com, http://www.mykedah2.com/10heritage/110_1_p4.htm. 12 Disember 2010.

¹⁸⁵ *Ibid.*

¹⁸⁶ Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

Negeri yang berhempas pulas untuk mendapatkan bantuan kerajaan mendirikan sekolah Maktab Mahmud ini telah mangkat. Almarhum mangkat pada 5 November 1937.¹⁸⁷

Maktab Mahmud bergerak di atas kewangan yang diperolehi daripada bantuan zakat dan amal jariah penduduk tempatan. Pada masa tersebut Jabatan Zakat yang dipengerusikan oleh Tunku Mahmud baru sahaja ditubuhkan. Pada masa yang sama juga Sekolah Inggeris iaitu Kolej Sultan Abdul Hamid diberi bantuan yang sangat berlebihan oleh kerajaan negeri kerana sumber kewangan negeri pada ketika itu telah dipegang, ditadbir dan diuruskan oleh Inggeris.¹⁸⁸

Pada peringkat permulaannya, pelajar yang belajar di Maktab Mahmud hanyalah seramai 120 orang murid sahaja bersama empat orang guru, yang mengajar di empat buah kelas *ibtidaiyyah* (rendah). Guru-gurunya selain daripada Dato' Syeikh Abdul Halim ialah Tuan Syeikh Muhamad Saleh Shamsuddin al-Mash, Tuan Syeikh Adnan Muhamad Hashim, Tuan Syeikh Saad Bin Said, Tuan Haji Muhamad Darus Bin Endut, Tuan Syeikh Ibrahim Yusuf al- Ibyari (beliau mempunyai ilmu untuk memperlendip bacaan al-Quran).¹⁸⁹ Kesemuanya mereka ini adalah tonggak kekuatan pendidikan Maktab Mahmud yang memberikan kesinambungan kepada kecemerlangan pendidikan agama Islam dan juga akademik sehingga telah mengangkat Maktab Mahmud di persada antarabangsa sebagai pusat keilmuan.

¹⁸⁷ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

¹⁸⁸ Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

¹⁸⁹ Pelendip adalah bahasa dan dialek yang digunakan oleh masyarakat Kedah yang bermaksud memperhalusi dan melicinkan suara semasa membaca al-Quran.

Beberapa tahun kemudian apabila Maktab Mahmud di bawah kepimpinan Dato Syeikh Abdul Halim sebagai pengetuanya, Maktab Mahmud telah diiktiraf sebagai pusat perkembangan ilmu di Kedah dan di peringkat antarabangsa sama ada kurikulumnya ataupun kokurikulumnya. Pelajar-pelajar Maktab Mahmud juga semakin bertambah ramai memenuhi kelas- kelas darjah satu rendah hingga darjah empat rendah dan dari satu menengah hingga empat menengah (empat thanawi). Pelajar- pelajar Maktab Mahmud yang lulus dengan cemerlang akan terus diterima masuk belajar di Universiti al- Azhar pada ketika itu.¹⁹⁰

Pelajar- pelajar yang lulusan Sijil Menengah Maktab Mahmud telah menceburkan diri menjadi pelopor- pelopor yang memperkembangkan pelajaran agama Islam, menegakkan syiarnya yang suci dan menghidupkan semangat keislaman ke dalam jiwa umat Islam di seluruh pelusuk tanahair kita. Di antara mereka yang telah dan sedang memberikan sumbangan terhadap Negara Malaysia dan negeri Kedah ialah:

No	Nama Tokoh	Jawatan Dan Sumbangan
1	Datuk Zainudin bin Maiden	Bekas Menteri Penerangan Malaysia.
2	Tan Sri Khalid bin Abdullah	Bekas Pengarah Utusan Malaysia.
3	Y. A. A Tan Sri Syeikh Ghazali Abdul Rahman	Ketua Pengarah Dan Ketua Hakim Mahkamah Syariah.
4	Senator/Brigadier Jamil Khir bin Baharom	Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dan Bekas Pengarah KAGAT.

¹⁹⁰ Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

5	Datuk Dr. Ismail bin Ibrahim	Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Pemegang Amanah Universiti Ibnu Rusyd, Sepanyol.
6	Datuk Haji Fadhil Mohd Noor ¹⁹¹	Bekas Presiden PAS, Bekas Pengerusi GERAK.
7	Datuk Dr. Abdul Halim Ismail	Bekas Pengerusi Bank Islam Malaysia.
8	Prof. Dato Dr. Othman Ishak	Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan.
9	Datuk Dr. Masyitah binti Ibrahim	Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri.
10	Datuk Paduka Di Raja Syeikh Abdul Majid bin Mohd Noor	Bekas Mufti Kedah.
11	Syeikh Niamat Yusof	Membuka Pondok Dehrang.
12	Dato Seri Azizan Abdul Razak	Menteri Besar Kedah-2008-Kini.
13	Syeikh Roslan bin Abdul Halim al-Hafiz	Imam Besar Masjid Negeri Kedah(Masjid Zahir).

¹⁹¹ Beliau dilahirkan di Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Derga atau kini Sekolah Kebangsaan Tunku Raudhah, Alor Setar dan Maktab Mahmud pada tahun 1951 sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir dan ditaja biasiswa kerajaan negeri Kedah pada tahun 1963 hingga 1967. Sekembalinya dari Mesir beliau mengajar di Maktab Mahmud dan kemudian sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dato' Fadzil Noor pernah menjadi Setiausaha Persatuan Ulama Malaysia (1974-1976), Setiausaha Penerangan ABIM (1973-1974) dan Timbalan Presiden ABIM (1974-1978). Beliau mula bertanding dalam Pilihanraya Umum pada tahun 1978 menentang Datuk Senu Abdul Rahman tetapi kalah. Pada tahun 1981, beliau dipilih sebagai Naib Presiden PAS dan kemudian Timbalan Presiden PAS pada tahun 1982. Pada 30 Mac 1989 beliau dipilih sebagai Presiden PAS selepas pengunduran Tuan Guru Haji Yusof Rawa. Beliau merupakan ADUN Bukit Raya untuk lima penggal berturut-turut walaupun cuba bertanding bagi kerusi Parlimen beliau tewas, sehinggalah pada Pilihanraya Umum 1999, beliau berjaya mengalahkan Datuk Othman Abdul untuk menduduki kerusi Parlimen Pendang dan mengekalkan kerusi ADUN Anak Bukit (sebelum itu Bukit Raya). Pada tahun yang sama, beliau dilantik sebagai Ketua Pembangkang menggantikan Lim Kit Siang di Parlimen yang kalah dalam pilihanraya umum itu. Pada tahun 1998, beliau dilantik sebagai Pengerusi GERAK (Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia). Gerak ditubuhkan oleh PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan disertai oleh 15 pertubuhan bukan kerajaan dan individu untuk menegakkan keadilan selepas pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau merupakan Presiden Parti Islam Se-Malaysia(PAS) yang digeruni kawan dan juga lawan kerana kehebatan beliau ketika berhujah. Beliau meninggal dunia pada 23 Jun 2002 di Unit Rawatan Rapi, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia akibat sakit jantung pada jam 10.30 pagi. Jenazah beliau diterbangkan oleh pesawat Hercules dari Selangor ke Kedah.

14	Ustaz Wan Akashah Dan Ustazah Siti Norbahyah Mahmood	Pasangan Pendakwah Dan Penceramah Terkenal.
15	Syeikh Mohsin bin Haji salleh	Bekas Mufti Wilayah yang pertama dan Perak.
16	Syeikh Salleh bin Md. Piah	Bekas Kadi Besar Singapura.

Sebahagian pelajar Maktab Mahmud telah berjaya menyambung pelajaran mereka di peringkat pengajian tinggi di pusat- pusat pengajian Tinggi Islam terutamanya di Universiti al- Azhar Mesir. Universiti al-Azhar telah membuat pengakuan dengan rasminya bahawa syahadah Maktab Mahmud adalah setaraf dengan sijil menengah maktab- maktab di al- Azhar juga.¹⁹²

Pada tahun 1952, setiap pelajar lepasan menengah Maktab Mahmud dibolehkan menduduki mana- mana kuliah al- Azhar tanpa melalui peperiksaan pemilihan oleh sebab Maktab Mahmud adalah sebuah sekolah yang telah melahirkan murid- murid yang hebat dan cemerlang pada waktu itu. Buktinya adalah, bekas-bekas pelajarnya yang masih hidup sehingga kini telah menceritakannya seperti Tuan Guru Haji Abdul Hamid Derga,¹⁹³ Tuan Guru Haji Ali Simpang Kuala¹⁹⁴ dan Syeikh Ghazali bin Yaacob.¹⁹⁵

Pada 13 Febuari 1955 darjah- darjah bahagian tinggi Pengajian Islam dibuka di Maktab ini. Usaha ke arah ini dijalankan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim sejak tahun 1952.

¹⁹² Ghazali bin Yaacob, Setiausaha Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Temubual pada pada 29 November 2009.

¹⁹³ Imam Besar Masjid Derga Alor Setar dan pakar dalam bidang Fekah.

¹⁹⁴ Seorang yang pakar dalam bidang Tasawuf Islam dan juga Matematik.

¹⁹⁵ Ghazali bin Yaacob, Setiausaha Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Temubual pada pada 29 November 2009.

Usaha Dato' Syeikh Abdul Halim adalah untuk mendapat restu daripada kerajaan negeri memperkenalkan darjah- darjah yang paling tinggi di Maktab ini supaya tarafnya bersamaan dengan darjah “*Aliah*” dan “*Alamiyyah*” di Universiti al-Azhar, maka dengan usaha Dato' Syeikh Abdul Halim inilah tertubuhnya al-*Qismu al- 'Aliyy*.

Tujuan asalnya ialah menyediakan pelajaran tinggi dengan tidak payah mengeluarkan belanja yang banyak untuk mendapatkannya di luar negeri. Bahagian Tinggi Pengajian Islam di Maktab Mahmud membuka peluang kepada pelajar- pelajar dari pondok- pondok di dalam negeri datang ke Maktab Mahmud untuk memperolehi sijil tinggi di sini.¹⁹⁶

Di antara guru-guru yang berkhidmat di Bahagian Tinggi atau al-*Qismu al- 'Aliyy* ini ialah Dato' Syeikh Saad Said dan Tuan Syeikh Abdul Aziz Ahmad Awang Besar. Dalam tahun 1957 dan seterusnya bekas pelajar Maktab Mahmud yang pulang dari Universiti al-Azhar telah membantu Bahagian Tinggi ini. Di antaranya ialah Dato' Syeikh Abdul Majid Muhammad Noor, Dato Syeikh Mahmud Naim Syeikh Ibrahim Ahmad¹⁹⁷ dan Dato' Syeikh Othman Ibrahim.¹⁹⁸

¹⁹⁶ *Ibid.*

¹⁹⁷ Dato' Syeikh Mahmood dilahirkan pada 5 Mei 1926 di Kuala Lumpur. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Merah, Alor Setar pada tahun 1932 sehingga tahun 1936. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Maktab Mahmud Alor Setar, Kedah dari tahun 1937 hingga tahun 1945. Pada November 1950 sehingga Oktober 1951, beliau meneruskan pengajiannya di Khismul Am dan kemudiannya ditawarkan untuk mengikuti Kuliah Usulluddin di Universiti al-Azhar, Mesir selama empat tahun bermula Oktober 1951. Setelah memperolehi Syahadah al-Aliah Usulluddin, beliau mengikuti pula Kuliah Lughah di universiti yang sama pada November 1954 hingga November 1955 dan memperolehi Syahadah al-Alimiah Ma'ajazatitaddri.

¹⁹⁸ Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

Walaubagaimanapun disebabkan kekurangan tenaga pengajar dan juga terputus hubungan dengan Universiti al- Azhar pada waktu itu kerana serangan British ke atas terusan Suez, bahagian tinggi ini ditutup pada tahun 1960.

Dapatlah kita melihat di sini bahawa hasil perjuangannya, Dato' Syeikh Abdul Halim telah mengorak langkah yang penuh keazaman untuk merealisasikan apa- apa sahaja yang telah diprogramkan di dalam kotak pemikirannya sehingga mencapai kejayaan. Hasilnya kita dapat melihat bahawa Maktab Mahmud telah berjaya dibangunkan sehinggalah ke hari ini serta telah menambahkan 15 buah cawangannya di seluruh Kedah, seiringan dengan pesatnya perkembangan agama Islam di negeri Kedah ini.


6- ANUGERAH PENGHARGAAN DAN KURNIAAN

Kehebatan beliau ini iaitu Dato' Syeikh Abdul Halim tidaklah dapat disangkal, titik peluh beliau, keringat beliau, penat jerih beliau, idealisma pemikiran beliau, tindakan beliau dalam pembina dasar- dasar kurikulum dan juga kokurikulum ketika zamannya telah menyebabkan beliau sangat dihormati dan diingati. Oleh itu, Dato' Syeikh Abdul Halim telah dianugerahkan sebagai “ Tokoh Guru” negeri Kedah pada tahun 1983 oleh kerajaan negeri Kedah Darul Aman sebagai menghargai jasa dan pengorbanan beliau dalam bidang perguruan dan sebagai seorang guru yang cemerlang.¹⁹⁹

¹⁹⁹ Harun bin Haji Mohd Hashim, Pengurus Persatuan Pesara-pesara Malaysia Kedah, Temubual pada 13 Februari 2010.

Dato' Syeikh Abdul Halim juga telah dianugerahkan dengan anugerah Bintang Cemerlang Kedah (BCK) dan Darjah gelaran Dato' Paduka Mahkota Kedah (DPMK) oleh DYMM Tuanku Sultan Kedah sebagai menghargai jasa, pengorbanan dan sumbangan beliau dalam perkembangan agama Islam di negeri Kedah Darul Aman, melalui mekanisma bidang pendidikan.²⁰⁰

Anugerah dan Penghargaan



Sumber: Bahagian Penerbitan PERKIM Jalan Ipoh dan Persatuan Pesara Negeri Kedah

²⁰⁰ Pesara Kerajaan Negeri Kedah Dalam Kenangan, 10 Ogos 2003, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Yang Berbahagia Dato' Syeikh Abdul Halim bin Hj. Othman DPMK, BCK.

7- PERIBADI CONTOH

Dato' Syeikh Abdul Halim mempunyai pemikiran yang sentiasa memandang ke hadapan. Ramai di kalangan anak-anak muridnya mengatakan bahawa beliau memikirkan sesuatu yang orang lain tidak pernah terfikir. Beliau menggalakkan murid-muridnya mengeluarkan duit sendiri untuk belajar di luar negeri dan janganlah masing-masing menumpukan perhatian untuk belajar di Universiti al-Azhar sahaja.

Beliau sangat menganjurkan kepada setiap anak muridnya yang berkemampuan supaya melanjutkan pelajaran ke Indonesia, Baghdad, Syria dan Jordan selain daripada belajar di Kuala Lumpur, London dan Kaherah. Dato' Syeikh Abdul Halim sendiri telah menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris.²⁰¹

Di kalangan anak murid beliau sememangnya Dato' Syeikh Abdul Halim ini adalah seorang yang alim dan berilmu tinggi. Pemikirannya terhadap agama sangat kritis dan terkehadapan. Namun di kalangan masyarakat ada yang berkata “ bapanya orang berilmu agama, tetapi anak-anaknya tidak ada seorangpun yang berjaya mengikuti jejaknya menjadi orang hebat di dalam agama”. Pernyataan ini dilontarkan kepada beliau dan seolah-olah beliau sendiri tidak berjaya mendidik anak-anaknya sendiri untuk menjadi seperti beliau. Oleh yang demikian kita tidak bolehlah katakan bahawa Dato' Syeikh Abdul Halim ini seorang yang hebat dari sudut wawasannya. Apakah kita juga bersetuju dengan pernyataan ini?.hanya kerana beliau tidak menghantar anaknya ke sekolah beraliran agama maka

²⁰¹ Ali bin Ahmad, anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim, Temubual pada 27 September 2009.

jawapan yang kita berikan kepada beliau, beliau tidak berjaya mencerminkan wawasan beliau itu sendiri.²⁰²

Pada pandangan saya, tindakan Dato' Syeikh Abdul Halim menghantar anaknya ke sekolah beraliran Inggeris ini adalah tepat pada masanya. Ini kerana jika semua umat Islam hanya terarah kepada satu bidang sahaja maka umat Islam akan ketinggalan dalam bidang-bidang yang lain. Cuba kita bayangkan jika semua umat Islam hanya menguasai bidang memasak sahaja, bagaimana dengan bidang kedoktoran, bidang kehakiman, bidang teknologi dan sebagainya.

Dengan ini saya tetap bersetuju dengan tindakan Dato' Syeikh Abdul Halim yang menitik- beratkan semua bidang dalam kehidupan umat Islam. Ini memberikan tanda aras bahawa beliau mempunyai ketajaman buah fikiran dan wawasannya dalam menembusi kotak pemikiran jumud manusia.

Sebagai seorang yang kuat berpegang kepada sesuatu prinsip, Dato' Syeikh Abdul Halim amat disegani oleh kawan dan juga lawan. Bukan sahaja murid- muridnya yang “hormat” kepada Dato' Syeikh Abdul Halim tetapi rakan- rakannya di kalangan guru- guru juga turut menghormati prinsipnya yang tegas dan adil. Walaupun guru- guru amat mesra dengan Dato' Syeikh Abdul Halim tetapi mereka masih nampak garis- garis sempadan yang perlu dihormati.²⁰³

²⁰² Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

²⁰³ Abdul Hamid bin Abdul Rahman, Imam Besar Masjid Derga Alor Setar, Temubual pada 29 November 2009.

Dato' Syeikh Abdul Halim disegani kerana beliau amat menepati masa. Loceng waktu yang berbunyi menentukan supaya guru bertukar kelas dan kelas bertukar matapelajaran. Dia menegaskan bahawa pertukaran kelas ini perlu dilakukan walaupun guru terpaksa bergerak di dalam hujan lebat. Guru yang merugikan masa guru lain, diberi amaran supaya jangan pisang berbuah dua kali.²⁰⁴ Di samping itu, beliau juga adalah seorang yang sangat berdisiplin, menepati waktu dan “*irtijal*” iaitu berani melakukan apa sahaja demi kebaikan dan kepentingan umum sedangkan orang lain akan berfikir dahulu berkali- kali sebelum melakukannya. Beliau telah menerapkan sifat- sifat yang mahmudah ini kepada pelajar- pelajar Maktab Mahmud. Mereka dikenakan memakai pakaian seragam sekolah yang kemas, berbaju kemeja, berseluar panjang serta bersongkok hitam.

Sebelum ini pelajar- pelajar di sekolah Maktab Mahmud berpakaian bebas seperti memakai kain sarung, baju Teluk Belanga atau baju potong Petani, berkopiah putih atau berserban sehingga ada di kalangan pelajar yang memakai terompah kerana senang dan mudah bagi pelajar tersebut untuk memperbaharui air sembahyang.²⁰⁵

Pakaian kemas yang dikenakan kepada pelajar- pelajar adalah amalan beliau sendiri yang sentiasa lengkap dengan pakaian yang kemas atau bersut Melayu. Beliau selalu mengenakan “*Tarbus*” dan “*Taqiah*”²⁰⁶ apabila mengenakan ‘*long coat*’.²⁰⁷

²⁰⁴ Pisang berbuah dua kali ertiinya, tidak melakukan kesalahan yang sama.

²⁰⁵ Ghazali bin Yaacob Setiausaha Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Temubual pada 29 November 2009.

²⁰⁶ Kopiah merah berlilit putih ataupun dipanggil kopiah al- Azhar.

²⁰⁷ Baju kot berlengan panjang

Beliau selalu berpesan kepada pelajar-pelajarnya supaya jangan semuanya memberi perhatian untuk menjadi guru agama sahaja. Mereka boleh berkhidmat di mana-mana sahaja iaitu di pejabat, di gudang, di ladang, di sawah, di pekan Rabu, di radio, di akhbar dan di mana-mana sahaja asalkan mendapat rezeki yang halal di samping mendapat peluang untuk menegakkan syiar Islam.


Dato' Syeikh Abdul Halim menerangkan bahawa maksud ibadat dalam Islam amatlah luas. Al-Quran menyeru umatnya membongkar kekayaan bumi, membuka sawah dan ladang, ternakan, perniagaan, pertukangan, perubatan, perusahaan dan lain-lain lagi dan bukannya tertumpu kepada pendidikan sahaja. Kita akan menjadi umat yang kufurkan nikmat Allah s.w.t jika kita tidak menuaikan tanggungjawab ini dan akibatnya kita akan menerima kehinaan, kemiskinan dan keruntuhan agama, bangsa dan negara. Amanatnya yang kerap diucapkan ialah supaya pelajar-pelajar tidak membanggakan dan menyombong diri serta jangan pula menjadi kayu bongkok yang sedia dipijak orang.²⁰⁸

Dato' Syeikh Abdul Halim sendiri telah mengorbankan waktu dan masanya berulang-alik ke Kolej Sultan Abdul Hamid kerana menyampaikan pengajian agama Islam kepada pelajar-pelajar di sana, dan cara penyampaiannya amat berbeza dengan kelas-kelas agama di surau-surau yang kita tahu. Dengan menggunakan kaedah berdakwah dan cara yang sangat mudah seperti merapatkan hubungan silaturrahim bersama mereka, bersempang santai mengenai masalah agama, bertukar-tukar fikiran diantara guru dengan murid dalam perkara kemasyarakatan atau sebagainya. Dan beliau juga sering menitikberatkan perkara berakhlik mulia kepada pelajarnya. Salah satu daripada tujuannya

²⁰⁸ Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

ialah hendak menghilangkan rasa perbezaan antara pelajar-pelajar Melayu di Sekolah Inggeris dengan pelajar-pelajar di Sekolah Arab.²⁰⁹

Dato Syeikh Abdul Halim bersama pelajar-pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid



Sumber : Harun bin Haji Mohd Hashim, Persatuan Pesara-pesara Malaysia Kedah

²⁰⁹Harun bin Haji Mohd Hashim, Pengurus Persatuan Pesara-pesara Malaysia Kedah, Temubual pada 13 Februari 2010.

Beliau sering berpesan kepada pelajar dan orang- orang kampung ketika beliau menyampaikan kuliah ilmu ataupun syarahan supaya sentiasa menjaga iman dan berkasih sayang di antara satu sama lain. Kerana Allah s.w.t sendiri amat menitikberatkan di dalam al-Quran al-Karim tentang keimanan kepada Allah dan berkasih sayang di antara sesama umat Islam.

Mengikut pendapat beberapa orang pelajarnya, bahasa Arab yang dikuasai oleh Dato' Syeikh Abdul Halim adalah bermutu tinggi dan sukar untuk ditandingi oleh cerdik pandai bahasa Arab lain di dalam negara kita pada ketika itu.²¹⁰

8- KEMBALI KE RAHMATULLAH

Selepas Dato' Syeikh Abdul Halim bersara, beliau telah tinggal di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, dan masih lagi menyumbang tenaga, buah fikirannya, ilmunya, idealismanya dan juga keringatnya terhadap pembangunan masyarakat Islam di negeri Kedah Darulaman khususnya dan di Malaysia amnya. Beliau telah menyumbangkan seluruh kehidupannya demi untuk mengangkat syiar Islam, pada masa yang sama juga beliau sempat menubuhkan Pusat Dakwah PERKIM di Petaling Jaya dan telah menjadi pengarah dakwah di pusat tersebut di antara tahun 1975-1978.²¹¹

²¹⁰Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

²¹¹Ishak bin Othman, Pegawai Penolong Penerbitan PERKIM, Temubual pada 28 November 2010.

Begitulah lumrah alam, yang datang sudah pasti akan pergi, yang patah sudah pasti akan tumbuh, yang hilang pasti akan berganti, yang hidup sudah pasti akan mati pada satu hari, maka Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman telah pulang ke rahmat Allah dan disemadikan di Kuala Lumpur pada 7 haribulan Jun 1997 pada usianya 87 tahun.

Bangunan Dakwah PERKIM



Sumber : Bahagian Penerbitan PERKIM

Dato Syeikh Abdul Halim bersama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Saudara Baru



Sumber : Bahagian Penerbitan PERKIM

Dengan kematian al- marhum Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman ini, negeri Kedah telah kehilangan seorang ulama yang banyak menyumbangkan idea dan pemikirannya, seorang tokoh ilmuan yang berwibawa di zamannya yang menjadi sumber kekuatan sendi agama Islam di negeri Kedah Darul Aman. Negeri Kedah telah kehilangan

sebutir mutiara yang telah bersinar dan sememangnya telah menyinarkan agama Islam di negeri Kedah. Kehilangannya adalah amat sukar dicari ganti dan sangat dirasai sendiri oleh masyarakat Islam negeri Kedah dan Malaysia amnya. Walaupun yang patah itu akan pasti tumbuh, namun yang tumbuh itu tidak akan sama dengan Dato' Syeikh Abdul Halim. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya dan didoakan agar beliau ditempatkan bersama dengan orang- orang yang beriman dan yang beramal soleh. Amin.